

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 JANUARI 2022  
AKHBAR : THE MALAYSIAN INSIGHT  
CAPAIAN : <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/362683>

### PM lancar dasar komoditi baharu



DASAR Agrikomoditi Negara (DAKN) 2021-2030 bakal dilancarkan bagi memacu pembangunan sektor agrikomoditi secara lebih mampan, berdaya saing dan berorientasikan pasaran selaras dengan norma baharu serta peningkatan penggunaan digital pasca Covid-19, kata Perdana Menteri Ismail Sabri Yaakob.

Berucap merasmikan Program Jelajah Agrikomoditi Keluarga Malaysia di Putrajaya hari ini, beliau berkata DAKN 2021-2023 akan dilancarkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bagi menggantikan Dasar Komoditi Negara (DKN) 2011-2020.